



SALAM AIDILFITRI



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wr.wbr. dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah rahmatNya dapat kita sekali lagi bersama-sama menunaikan ibadah rukun Islam yang ketiga dalam keadaan yang cukup harmoni, selamat dan aman. Bulan Ramadhan yang mulia meninggalkan kita dengan penuh makna yang tidak ternilai dalam membentuk diri menjadi muslimin dan muslimat yang saling mengasihi sesama insan dan mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Inshaallah, semoga dengan izinNya jua kita akan menyambut pula kedatangan bulan Syawal yang diraikan sebagai hadiah kemenangan buat umat Islam setelah sebulan menjalani ibadah puasa serta berjuang mengawal hawa nafsu sepanjang Ramadhan. Sempena Syawal yang bakal menjelang, marilah sama-sama kita menginsafi keadaan diri serta merayakan bulan kemenangan ini dengan penuh kesederhanaan dan bermaaf-maafan.

Dalam suasana menyambut Hari Raya Aidil Fitri, adalah wajar ia disambut mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh syarak serta tidak secara berlebihan, setelah jiwa kita dibersihkan pada bulan Ramadhan. Alangkah elok dan baiknya, sekiranya kita dapat mengekalkan rutin harian sepertimana hari-hari Ramadhan yang kita lalui selama sebulan yang lalu. Penuhilah Syawal dengan kesinambungan daripada amalan-amalan di bulan Ramadhan. Rapatkanlah ukhuwah dengan jalinan silaturrahim, sebagai melengkapi tarbiyah ruhiyyah Ramadhan. Amalan ziarah menziarahi disemarakkan. Sememangnya budaya mulia ini telah menjadi tradisi bagi masyarakat kita. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan kembali sillaturrahim.

Pada tahun ini di samping meraikan sambutan Aidilfitri, kita juga menyambut sambutan 10 tahun penubuhan UTeM. Walaupun jika dilihat pada usianya yang masih muda, banyak kejayaan yang telah dikecapi oleh UTeM tidak kira dalam bidang akademik mahupun penyelidikan dan inovasi. Staf dan pelajar UTeM juga telah melakar banyak kejayaan dalam pelbagai bidang yang menjadikan UTeM semakin dikenali dan diyakini sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Ini bererti usia bukanlah suatu penghalang untuk mencapai kejayaan asalkan kita sanggup berusaha dan melakukan yang terbaik untuk organisasi kita.

Namun begitu, kejayaan dan pembangunan yang telah kita miliki pada hari ini bukanlah jaminan untuk kita bersenang lenang dan berada dalam keadaan selesa. Ia haruslah dijadikan pendorong dan pembakar semangat untuk kita mencapai lebih kejayaan demi mengharumkan nama Universiti yang kita sayangi ini. Perjalanan yang ditempuhi masih jauh lagi. Banyak lagi yang perlu dicapai untuk memastikan visi dan misi yang telah diterjemahkan pada awal penubuhan UTeM yang lalu. Kini di bahu kita terpikul suatu tanggungjawab untuk merealisasikan misi dan visi tersebut.

Akhir bicara, saya mengambil kesempatan ini untuk menyusun jari memohon kemaafan jika terdapat sebarang keterlanjuran kata atau sebarang perbuatan yang telah menyinggung perasaan anda semua. Kepada staf dan pelajar yang ingin pulang ke pangkuan keluarga bagi meraikan hari yang mulia ini, diharapkan agar sentiasa memastikan keselamatan agar Aidilfitri ini dapat diraikan dengan penuh kerian dan kegembiraan. Di samping kita bergembira sentiasa beringat kepada orang-orang yang kurang bernasib baik dan sama-samalah kita berkongsi kegembiraan dengan mereka jika berpeluang. Terimalah serangkap pantun dari saya :

Pelita bersinar di malam purnama,
Indahnya pagi disiram sang suria,
Ramadhan menghilang Syawal menjelma,
Moga Aidilfitri disambut penuh ceria.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor

SEJAHTERA
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

LG
173
.M44
.B47
2010
a
July




SEDEKAD KEGEMILANGAN



SALAM AIDILFITRI

daripada Pengurusan Universiti



Setelah berpuasa di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, kini bahang kemeriahan Syawal semakin terasa. Semoga Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi akan membawa cahaya kegembiraan di dalam hidup anda semua. Hurlurkanlah sumbangan seikhlas hati kepada mereka yang memerlukan supaya sinar kegembiraan sambutan Aidilfitri ini dapat dikongsi bersama. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Salam Lebaran Minal Aidil Wal Faizin kepada semua warga UTeM, mahasiswa/i dan tidak ketinggalan kepada keluarga saya sendiri. Maaf zahir dan batin.

Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)




Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Wa Lillahilham...

Laungan takbir ini menandakan kemenangan kepada hamba Allah yang berjaya mengharungi Ramadhan dengan penuh keinsafan. Semoga ibadat puasa yang kita laksanakan sepanjang sebulan lalu dirahmati dan diberkati Allah SWT.

Saya beserta keluarga tercinta, dan semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari, memohon kemaafan kepada seluruh warga UTeM sekiranya ada tersilap kata dan terlanjur bicara yang tidak disengajakan. Selamat Menyambut Aidilfitri untuk semua, Maaf Zahir dan Batin. Wassalam.

Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



Saya bagi pihak pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua staf dan pelajar UTeM. Semoga dengan keberkatan Aidil Fitri ini akan menambah eratkan lagi tali silaturahmi antara kita semua dan akan berkekalan sampai bila-bila. Bagi pelajar UTeM diharapkan agar berhati-hati

semasa pulang bercuti dan dapat kembali dengan selamat ke UTeM dengan meneruskan pengajian dan mencapai cita-cita yang diharapkan.

Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI



Sebagai manusia biasa, kita tidak sempurna dan selalu melakukan kesalahan serta kesilapan. Kesempatan yang ada sempena Idul Fitri ini, saya mohon kemaafan daripada semua yang pernah disakiti sama ada secara sengaja dan tidak disengajakan. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada anda semua. Itulah antara tanda kemenangan di Idul Fitri ini dan ia sungguh membahagiakan, Insyallah.

Hasan bin Sirun
PENDAFTAR



Salam Lebaran. Saya sekeluarga dan keseluruhan warga Pejabat Benda-hari mengambil kesempatan untuk mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI kepada semua warga UTeM sama ada staf maupun pelajar tak kira dimana berada serta memohon ribuan AMPUN DAN MAAF ZAHIR DAN BATIN atas segala kesalahan dan kesilapan juga terkasar bahasa sepanjang berurusan dengan kami.


Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi. Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa. Hidup ini terasa indah jika ada maaf. Taqabalallahu Minna Waminkum...

Khairul bin Taib
BENDAHARI



Assalamualaikum wbt. Bersyukur ke hadrat Allah. S.W.T kerana diberi peluang untuk menyempurnakan ibadat puasa. Menjelangnya senyuman Syawal dengan iringan takbir bergema berlalulah cahaya Ramadhan meninggalkan kita dengan penuh kesyahduan. Ada ketiganya mata tersalah melihat, mulut tersilap bicara dan hati tidak sebening embun pagi. Bila ada lara yang masih berbekas di hati, ada kata merungkai dusta, ada prasangka tak seindah doa, ada tingkah menoreh luka sedangkan tangan tidak sempat berjabat. Izinkan saya dan seisi keluarga bersimpuh menyusun jemari sepuluh menghulur tangan di bulan mulia untuk mengetuk pintu kemaafan seluasnya atas segala kekhilafan. Selamat hari raya kepada semua yang dihormati dan dikasihi, moga hari-hari berlalu diwarnai dengan kerahmatan dan keberkatan Allah S.A.W. Takoballahu Mina Waminkum Minal Aidin Wal Fa Izin.

Hajah Faridah binti Hj. Md. Amin
KETUA PUSTAKAWAN



BERITA
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI
 JULAI 2010

UTeM TERIMA LEBIH 2000 PELAJAR BARU SESI 2010/2011

4 Julai 2010 - Kampus induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Durian Tunggal menerima pendaftaran pelajar baru seramai 2,089 orang pelajar pada sesi pendaftaran yang dijalankan pada hari ini. Pendaftaran yang bermula seawal jam 8.00 pagi menyaksikan kira-kira lebih 6,000 orang terdiri daripada ibu bapa dan ahli keluarga pelajar baru dari seluruh negara membanjiri perkarangan Dewan Besar UTeM.

Menurut angka yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), daripada bilangan pelajar baru yang mendaftar, seramai 1,247 adalah pelajar lelaki manakala 842 pelajar perempuan yang bakal mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat (ICT) dan Pengurusan Teknologi.

Bagi memenuhi masa ibu bapa yang menunggu di luar dewan, pihak universiti telah menyediakan sesi taklimat khas kepada ibu bapa untuk menerangkan dengan lebih terperinci kursus-kursus yang telah ditawarkan kepada anak-anak mereka serta peluang kerjaya di masa hadapan. Sebanyak enam sesi taklimat telah diadakan dan disampaikan oleh dekan-dekan fakulti yang terdapat di UTeM. Penjelasan terperinci serta sesi soal jawab yang diadakan telah meredakan kemusykilan segelintir ibu bapa yang agak keliru akan corak penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di universiti ini.

Turut hadir semasa sesi pendaftaran ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi serta pegawai-pegawai kanan universiti yang sentiasa memberikan kata-kata semangat kepada pelajar-pelajar baru UTeM.

Sementara itu di perkarangan Dewan Besar UTeM, turut disediakan khemah-khemah pameran daripada fakulti-fakulti di samping gerai-gerai yang menjual makanan, minuman serta keperluan asas untuk para pelajar. Ibu bapa yang hadir tidak melepaskan peluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut kemudahan-kemudahan yang terdapat di fakulti serta beramah mesra dengan kakitangan yang bertugas.

Pertambahan bilangan kenderaan pada hari pendaftaran ini turut mendapat perhatian ramai. Pegawai Keselamatan UTeM, Kapten (B) Abdul Wahid Sulaiman ketika ditemui berkata, meskipun bilangan kenderaan yang hadir melebihi jangkaan namun situasi trafik di dalam Kampus Induk dapat dikawal dengan baik oleh petugas-petugas Pejabat Keselamatan dengan kerjasama pelajar-pelajar yang terlibat pada hari itu. Kebanyakan ruang letak kenderaan yang disediakan telah penuh sejak awal pagi memaksa pihaknya menghalakan kenderaan ke kawasan letak kereta di bangunan berhampiran. Sesi pendaftaran pelajar baru tamat sekitar jam 4.00 petang.

SEDEKAD KEGEMILANGAN



KANDUNGAN

- UTeM Terima Lebih 2000 Pelajar Baru Sesi 2010/2011 | Mesyuarat Khas Naib-naib Canselor MTUN | UTeM Destinasi Lawatan Pelajar SMA Negeri 3 Yogyakarta | Guru Eltham High School Melbourne Lawat UTeM | Majlis Ramah Mesra Pengerusi LPU Dan Pro Canselor | Tun Canselor Tinjau Persiapan Majlis Konvokesyen Ke-6 | Pengerusi Lpu UTeM Lawat FKEKK Dan FKE | UTeM Tuan Rumah Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA | Tun Canselor UTeM Raikan Warga Media | Bengkel Balanced Scorecard UTeM Kali Ke-2 | Penganjuran ISBC 2010 Yang Terbaik – Prof Garik Markarian | Mühlbauer Technologies Adakan Kunjungan Balas Ke UTeM | Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan dan Perjumpaan Penasihat Akademik FKP | Minggu Haluan Siswa Berlangsung Meriah | FPTT Anjur Ceramah Industri | UTeM Tuan Rumah Mesyuarat Program Hala Tuju Sumber Manusia ICT Negara | Program UTeM Terbilang Bil.II/2010 | Pintar Siri Iv – Pejabat Pembangunan Timba Pengalaman Berhargai | Berita Kelahiran | BAKTI & UTeM Bersama di Program Selangkah ke Universiti | Pusat Islam Anjur Kursus Pra Perkahwinan | Personaliti Pilihan





Editor **BERITA@UTeM**

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi
Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusoff

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Zaffaruddin Bin Hamzah

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Al Rohaiya Binti Adanan
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my



Mesyuarat Khas Naib-naib Canselor MTUN

26 Julai 2010 - Bertempat di Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM telah berlangsungnya mesyuarat yang menghimpunkan barisan pengurusan tertinggi universiti-universiti yang bernaung di bawah Malaysian Technical University Network (MTUN). Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Naib-naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor dari semua universiti yang menganggotai MTUN iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan UTeM selaku tuan rumah.

Mesyuarat ini diadakan untuk menyelaraskan hala tuju MTUN serta mendapatkan kesepakatan dan persetujuan kolektif serta membincangkan isu meliputi kedudukan semasa dari segi graduan, cabaran semasa dan cabaran masa depan. Ahli-ahli mesyuarat juga telah berpeluang untuk menikmati keenakan buah-buahan tempatan di Dusun UTeM sesuai dengan musim buah-buahan tempatan ini.



UTeM Destinasi Lawatan Pelajar SMA NEGERI 3 YOGYAKARTA

20 Julai 2010 - UTeM semakin mendapat perhatian pelajar-pelajar antarabangsa terutama sekali dari Indonesia apabila menerima satu rombongan dari SMA Negeri 3 Yogyakarta yang telah berkunjung ke UTeM bagi melihat sendiri kemudahan dan suasana Kampus Induk, UTeM. Delegasi tersebut terdiri daripada 33 orang pelajar dan tiga orang guru pengiring.

Taklimat mengenai bidang pengajian yang terdapat di UTeM telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nanna Suryana Herman, Pengarah Pejabat Antarabangsa di Auditorium Bangunan Canselori. Para pelajar yang menyertai lawatan tersebut amat kagum terhadap kemudahan yang disediakan serta tertarik dengan bidang pengajian yang disediakan di sini. Meskipun lawatan yang diadakan amat singkat, namun ianya berjaya memperkenalkan UTeM kepada pelajar-pelajar tersebut.

Guru ELTHAM HIGH SCHOOL MELBOURNE Lawat UTeM

14 Julai 2010 - Sistem pembelajaran bahasa di UTeM yang berteraskan ciri-ciri teknikal dan kemudahan yang moden telah menarik minat banyak pihak luar untuk melihat sendiri kaedah dan amalan yang diguna pakai di sini. Terbaru, satu lawatan oleh guru dari Eltham High School Melbourne telah berkunjung ke Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) untuk melihat kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam pembelajaran bahasa.

Delegasi lawatan telah disambut oleh Dekan PBPI, Prof. Dr. Hj. Mohd Taib bin Dora yang kemudiannya membawa melawat makmal-makmal bahasa yang terdapat di situ. Turut menyambut delegasi lawatan tersebut ialah pensyarah-pensyarah bahasa PBPI yang menerangkan penggunaan Self Access Language Lab (SALL).





MAJLIS RAMAH MESRA Pengerusi LPU DAN PRO CANSOLOR

22 Julai 2010 - Satu majlis ramah mesra antara Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee bin Laidin dan Pro Cansolor UTeM, Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat telah diadakan di VIP Lounge, Kafe Staf. Ketibaan Pro Cansolor, telah disambut oleh Pengerusi LPU dan barisan kepimpinan tertinggi UTeM yang diketuai oleh Naib Cansolor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Pada majlis tersebut, Naib Cansolor telah menyampaikan taklimat berkaitan hala tuju UTeM kepada Pro Cansolor. Turut hadir pada sesi tersebut ialah Timbalan Naib Cansolor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Cansolor (Penyelidikan dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi serta Pegawai-pegawai Kanan lain.



Pro Cansolor dan Pengerusi LPU kemudiannya dibawa ke Dusun UTeM untuk menikmati buah-buahan tempatan yang terdapat di situ. Pejabat Pembangunan yang menyelia Dusun UTeM telah menyediakan buah-buahan seperti rambutan, langsung serta durian yang ditanam di kawasan tersebut untuk dinikmati oleh semua hadirin.

PENGERUSI LPU UTeM LAWAT FKEKK DAN FKE

9 Julai 2010 - Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTeM, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee bin Laidin telah mengadakan lawatan ke Kampus Induk UTeM buat kali pertama setelah dilantik sebagai Pengerusi LPU UTeM. Lawatan beliau dijalankan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Ketibaan beliau telah disambut oleh Pendaftar, En. Hasan bin Sirun bersama-sama Dekan dan warga kerja kedua-dua fakulti tersebut.

Di Auditorium FKEKK, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee telah diberi taklimat oleh Dekan mengenai perkembangan dan pencapaian fakulti pada masa kini. Turut diadakan juga sesi soal jawab bersama warga FKEKK. Beliau kemudiannya dibawa melawat ke makmal-makmal untuk melihat kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di situ.

Pada sebelah petangnya pula, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee melawat Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Seperti sesi di fakulti sebelumnya, Dekan FKE telah menyampaikan taklimat berkaitan hala tuju fakulti kepada beliau. Di akhir sesi, Datuk Ir. Dr. Hj Ahmad Zaidee dibawa meninjau makmal-makmal yang terdapat di FKE.




TUN CANSOLOR TINJAU PERSIAPAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-6

30 Julai 2010 – Tun Cansolor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob telah meluangkan masa untuk melihat persiapan mengadakan Majlis Konvokesyen kali Ke 6 UTeM yang dijadualkan berlangsung pada 7 dan 8 Ogos 2010.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Naib Cansolor UTeM, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan dan pegawai-pegawai kanan UTeM di VIP Lounge, Kafe Staf Kampus Induk UTeM. Beliau kemudiannya telah diberikan taklimat perkembangan Majlis Konvokesyen Ke-6 oleh Naib Cansolor UTeM.

Selesai taklimat, Tun Cansolor telah dibawa meninjau sekitar kampus sebelum makan tengah hari dan menunaikan Solat Jumaat berjemaah di Masjid UTeM. Solat Jumaat berjemaah ini turut disertai oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai-pegawai Kanan UTeM dan warga UTeM yang amat berbesar hati dengan kehadiran Tun Cansolor UTeM pada hari tersebut.

Para jemaah para hari tersebut berpeluang mendekati Tun Cansolor UTeM selepas selesai Solat Jumaat sebelum beliau berangkat pulang meninggalkan Kampus Induk UTeM. Secara keseluruhan, Tun Cansolor UTeM berpuas hati dengan persiapan yang sedang dijalankan dan berharap semua program akan berjalan lancar.



UTeM TUAN RUMAH MESYUARAT BENDAHARI-BENDAHARI IPTA

19 Julai 2010 - UTeM telah dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Bendahari-bendahari IPTA Bil 56/2010 yang berlangsung hari ini. Mesyuarat tersebut antara lainnya membincangkan hal ehwal serta perancangan kewangan IPTA. Berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Cansolori, mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh pentadbir kewangan IPTA seluruh negara.

Setelah tamat mesyuarat, delegasi kemudiannya dibawa ke Dusun UTeM bagi menikmati buah-buahan tempatan yang terdapat di situ. Rata-rata delegasi yang ditemui berasa teruja melihat kehijauan dan kesegaran buah-buahan tempatan yang dijaga rapi oleh UTeM. Pada malam sebelumnya, delegasi Bendahari-bendahari IPTA ini telah diraikan pada satu majlis makan malam yang diadakan di Quayside Bandar Hilir.

TUN CANSELOR UTeM RAIKAN WARGA MEDIA


12 Julai 2010 - Pengamal media di Melaka menerima layanan istimewa apabila diraikan oleh Tun Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob. Majlis pada tahun ini menampilkan kelainan apabila Tun Canselor serta barisan kepimpinan universiti meluangkan masa bersama-sama warga media di Dusun UTeM bagi menikmati hidangan buah-buahan tempatan.

Majlis yang bermakna ini diadakan sebagai mengenang jasa pengamal media di negeri ini atas sokongan padu terhadap universiti. Menjelang 10 tahun penubuhan UTeM, majlis ini dilihat dapat mengeratkan hubungan baik yang terjalin sejak sekian lama. Majlis tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada petugas media di negeri ini.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, pada kali ini UTeM meraikan media dengan cara yang lebih mesra dan santai. Tambah beliau, pihak lain mungkin meraikan media dengan mengadakan jamuan makan malam atau aktiviti rekreasi, tetapi UTeM memilih cara yang berlainan. Kata beliau lagi, jamuan buah-buahan tempatan terutama sekali durian sememangnya digemari oleh semua orang malah majlis sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama insan.

Tun Canselor juga sempat untuk menikmati suasana kehijauan di dusun UTeM yang kaya dengan pelbagai jenis buah-buahan tempatan. Diiringi oleh Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff dan Pengerusi LPU Dato' Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Laidin, Tun Canselor meluangkan masa memetik buah langsung serta beberapa jenis buah lain untuk dinikmati oleh para tetamu yang hadir.

Keseronokan jelas terpancar di wajah pengamal media apabila Tun Canselor sendiri yang mengagih-agihkan buah-buahan terutama sekali durian kepada mereka. Selain durian, tetamu juga dijamu dengan rambutan, dokong dan manggis yang diperolehi dari dusun UTeM seluas 14 hektar itu.



BENGKEL BALANCED SCORECARD UTeM KALI KE-2

22 Julai 2010 - Pihak pengurusan tertinggi UTeM berkumpul sekali lagi pada Bengkel Balanced Scorecard (BSC) yang memasuki fasa terakhir penyediaannya di peringkat universiti. Pelaksanaan BSC adalah selaras dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyemai budaya penilaian prestasi serta mengukur benchmark keberhasilan setiap PTj agar keselarasan dapat dipantau. Oleh yang demikian, BSC bakal digunakan sepenuhnya bagi mengukur pencapaian keberkesanan prestasi untuk semua peringkat di universiti ini.

Bengkel separuh hari itu telah dihadiri oleh semua Pegawai-pegawai Kanan universiti yang memfokuskan kepada pemurnian BSC berdasarkan kepada bengkel pertama yang dibuat pada bulan April lepas. Naib Canselor yang turut serta pada bengkel ini mengharapkan agar semua pihak lebih serius dalam usaha untuk mencapai visi menjadi sebuah universiti teknikal bertaraf dunia.

PENGANJURAN ISBC 2010 YANG TERBAIK

- PROF GARIK MARKARIAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang menjadi tuan rumah kepada Simposium Antarabangsa Komunikasi Jalur Lebar (ISBC 2010) pada 11- 14 Julai lalu telah mencatatkan kejayaan yang membanggakan apabila disifatkan sebagai penganjur terbaik oleh Prof. Garik Markarian, Pengerusi ISBC 2010 dari Lancaster University UK. Beliau berkata demikian ketika ditemui pada hari terakhir simposium itu.

Menurut Prof. Garik, ISBC 2010 yang dianjurkan oleh UTeM telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli akademik dan profesional khususnya dalam bidang teknologi komunikasi. Semasa menyampaikan ucapan penutup ISBC 2010, beliau melahirkan penghargaan kepada UTeM kerana telah berjaya membawa nama-nama besar dalam bidang penyelidikan dan industri, malah kualiti kertas kerja yang dibentangkan adalah amat mengagumkan.

Penyampai ucapatama pada simposium kali ini merupakan pakar-pakar teknologi komunikasi antarabangsa antaranya Prof. Hikmet Sari yang merupakan Ketua Saintis SEQUANCE dari Perancis, Dr. Nader Zain iaitu Pengurus Teknikal Makmal Komunikasi Eropah dan Dr. Stephen Lowe, Pengerusi Persatuan Jalur Lebar Tanpa Wayar Eropah.



Sementara itu nama yang tidak asing lagi di Malaysia dalam bidang komunikasi jalur lebar seperti Prof. Dr. Khazani Abdullah daripada Significant Technologies, Dr. Mazlan Abbas daripada MIMOS Berhad dan Prof. Dr. Tharek Abdul Rahman daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut menyampaikan ucapatama pada persidangan tersebut.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, ISBC 2010 mendapat perhatian penyelidik antarabangsa seperti dari Rusia, Jepun, Turki serta UK. Beliau yang juga Pengerusi Bersama (General Co-Chair) ISBC 2010 turut melahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat terutama sekali media massa dan ahli jawatankuasa yang dilantik bagi merealisasikan simposium ini.

Perasmian ISBC 2010 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang. Semasa menyampaikan ucapan, Datuk Joseph menyatakan bahawa kerajaan pada ketika ini sedang melakukan usaha besar-besaran untuk meningkatkan kadar penembusan jalur lebar di seluruh negara terutama sekali di kawasan luar bandar.

Pada simposium ini juga, UTeM yang menyambut ulang tahun ke-10 tahun ini turut melakar sejarah apabila memeterai dua Perjanjian Persefahaman (MoU) membabitkan Lancaster University dan sebuah syarikat dari Korea Selatan. MoU antara UTeM dan Lancaster University bakal menyaksikan kolaborasi dalam bidang penyelidikan, latihan, pertukaran pelajar dan staf serta penempatan industri. Sementara itu, Syarikat Man & Tel yang berpangkalan di Gyungbuk Korea Selatan akan bekerjasama dengan UTeM dalam bidang pengkomersilan, perlindungan harta intelek serta pemindahan teknologi antara kedua-dua buah organisasi.



Mühlbauer Technologies Adakan Kunjung Balas Ke UTeM

23 Julai 2010 – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengukuhkan lagi hubungan strategik dengan Syarikat Mühlbauer Technologies Sdn. Bhd apabila dikunjungi oleh pihak pengurusan syarikat tersebut. Delegasi tersebut telah disambut oleh Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, dan pegawai-pegawai kanan UTeM di Bangunan Canselor, Kampus Induk UTeM.

Lawatan ini adalah susulan daripada beberapa sesi pertemuan yang pernah diadakan oleh kedua-dua pihak bagi mengukuhkan lagi hubungan kerjasama yang bakal terjalin. Ia lebih menjurus kepada bentuk kerjasama yang boleh dibentuk bagi meningkatkan perkongsian kepakaran teknikal melalui skim sangkut industri serta latihan berterusan terutama sekali dalam bidang teknologi pembuatan termaju.

MINGGU HALUAN SISWA BERLANGSUNG MERIAH



Perasmian Minggu Haluan Siswa (MHS) telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerjaya Malaysia pada 5 Julai lalu di Dewan Besar. Beliau yang juga Menteri Mentor UTeM telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dan Dekan HEPA Eng. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman serta Pegawai-pegawai Kanan universiti. Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri Datuk Yaakub Md Amin.

Ketika menyampaikan ucapan, Datuk Shaziman mengucapkan tahniah kepada mahasiswa yang terpilih melanjutkan pelajaran ke UTeM. Beliau juga menyeru agar mahasiswa menjauhi tabiat buruk yang boleh menjejaskan nama baik universiti. Seruan beliau telah disambut dengan tepukan gemuruh oleh semua mahasiswa yang hadir di majlis itu.

MHS yang berlangsung selama seminggu dimuatkan dengan pelbagai aktiviti yang memberi pendedahan kepada mahasiswa baru mengenai kehidupan di alam universiti. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan menjurus kepada pembentukan sahsiah dan kerja berpasukan di samping memupuk semangat 1 Malaysia.

Pada 9 Julai 2010 menjadi malam kemuncak MHS apabila diadakan Majlis Malam Kebudayaan dan Majlis Penutup yang dijalankan dengan penuh warna-warni. MHS pada tahun ini menampilkan kelainan apabila fasilitator turut menunjukkan bakat terpendam melalui persembahan lakonan, tarian dan nyanyian.

FPTT ANJUR CERAMAH INDUSTRI

28 Julai 2010 - Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah mengadakan Ceramah Industri dengan tajuk "Technology For Sustainable Development" bertempat di Dewan Hang Tuah Melaka. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Zainal bin Sanusi.

Menurut Dekan FPTT, antara matlamat penganjuran ceramah tersebut adalah untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kefahaman yang kukuh tentang kelestarian pembangunan teknologi dan kepentingannya dalam pembangunan negara. Kata beliau lagi, selain itu program sebegini juga diharapkan dapat menghasilkan pelajar yang boleh berdikari dan mempunyai jati diri yang kuat untuk menjadi graduan yang lebih kompetitif dalam bidang teknologi.



MAJLIS ANUGERAH SIJIL KEPUJIAN DEKAN PERJUMPAAN PENASIHAT AKADEMIK FKP

28 Julai 2010 - Seramai 155 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menerima anugerah Sijil Kepujian Dekan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Mohd Rizal bin Salleh di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM.

Sekalung tahniah kepada penerima-penerima anugerah yang disenaraikan mengikut pecahan berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) : 30 pelajar
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) : 20 pelajar
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) : 29 pelajar
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) : 29 pelajar
- (v) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) : 32 pelajar
- (vi) Diploma Kejuruteraan Pembuatan : 15 pelajar





UTeM TUAN RUMAH MESYUARAT PROGRAM HALA TUJU SUMBER MANUSIA ICT NEGARA

5 Julai 2010 - Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini menjadi tuan rumah kepada Program Hala Tuju Sumber Manusia ICT Negara yang diadakan di Kampus Induk UTeM Hang Tuah Jaya Melaka.

Program ini dihadiri oleh hampir 30 orang individu penting daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Jabatan Perkhidmatan Awam, Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta pihak industri yang terlibat dalam sektor teknologi maklumat (ICT). Antara objektif utama penganjuran program ini adalah bagi menyediakan satu platform kepada pakar-pakar teknologi maklumat peringkat IPT dan pihak swasta bertukar-tukar pandangan dan idea untuk menyediakan hala tuju sumber manusia ICT negara yang komprehensif dan bersistematik.



PROGRAM UTeM TERBILANG

Bermula 1 hingga 8 Julai lalu, Program UTeM Terbilang telah dijalankan dengan jayanya. Program ini adalah kombinasi Program Orientasi, Akujanji Staf Baru dan Induksi Khusus yang bertujuan memberikan pendedahan mengenai pentadbiran universiti kepada staf-staf baru dari pelbagai gred dan jabatan.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan di Auditorium Canselori. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff ketika menyampaikan ucapan mengalu-alukan kedatangan staf-staf baru ke UTeM. Beliau juga berpesan agar peserta program memanfaatkan setiap aktiviti yang disediakan demi membentuk pasukan kerja yang mantap.

Peserta kemudiannya berangkat ke Melaka Tropical Fruit Farm yang terletak di Sungai Udang bagi menjalani aktiviti luar yang terbukti mengeratkan hubungan sesama mereka. Pelbagai aktiviti berkumpul telah dijalankan seperti night walk dan explore race. Aktiviti kerohanian turut diatur seperti kuliah subuh dan maghrib serta qiamullail.

Tahniah

Berita Kelahiran

Nama Staf : Norhidayah binti Mohd Zainudin
PTJ : Canselori
Nama Anak : Nurain Humaira Binti Abdul Kadir
Tarikh Lahir : 11 Mei 2010

Nama Staf : Ed. Soffuan bin Yusof
PTJ : Pusat Komputer
Nama Anak : Khayla Insyirah Bt. Ed. Soffuan
Tarikh Lahir : 11 Julai 2010



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan pada 12 & 13 Jun 2010.
Khairul Nizam Bin Hj Minhat (BPO, Pendaftar) & Nor Haslinda Binti Hj Ismail (FTMK)



PINTAR SIRI IV PEJABAT PEMBANGUNAN TIMBA PENGALAMAN BERTHARGA

23 Julai 2010 - Staf Pejabat Pembangunan berpeluang untuk mengukuhkan semangat kerja berpasukan setelah mengikuti Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri IV yang telah diadakan di Permaisuri Resort, Port Dickson. Program anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada warga kerja Pejabat Pembangunan yang diketuai oleh Pengarah, Puan Hajah Noraida Attan.

Y.Bhg Naib Canselor telah menyempurnakan majlis pembukaan program tersebut yang menyasarkan matlamat melahirkan warga UTeM yang berfikiran strategik, kreatif, semangat berpasukan dan memiliki sifat terpuji.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu memberi dimensi baru dalam menjalankan tugas harian. Aktiviti berkumpul sama ada indoor dan outdoor telah menyemarakkan semangat kerjasama yang tinggi di kalangan peserta. Turut diadakan aktiviti kerohanian yang dipimpin oleh Ustaz Long bin Kechik.

Personaliti Pilihan



MOHD SHAFARIM BIN MOHD SAID
JURUTEKNIK KOMPUTER

Berasal dari Sungkai Perak, Mohd Shafarim bin Mohd Said atau lebih mesra dipanggil Shafarim memiliki 7 tahun pengalaman dalam bidang komputer. Beliau memulakan khidmat di UTeM pada tahun 2008 di Pusat Komputer. Berbekalkan pengalaman terdahulu, kini beliau merupakan antara staf yang sangat arif dalam bidang rangkaian setempat.

Shafarim gemar mengisi masa lapang dengan bermain permainan video. Katanya aktiviti tersebut memberikan kepuasan kepadanya malah turut mencorak mindanya untuk menjadi seorang yang lebih kreatif. Di luar pejabat, beliau merupakan pemain bola sepak yang mewakili Pusat Komputer pada Kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ). Bukan itu sahaja, Shafarim turut mewakili universiti dalam acara Lawn Bowl di Sukan Staf Antara Universiti (SUKUM 35) di USM baru-baru ini. Kemahiran tinggi beliau dalam sukan tersebut membawa hasil dan mengharumkan nama universiti apabila meraih pingat gangsa kategori berpasukan.

Seorang yang peramah dan sentiasa ceria, Shafarim amat berterima kasih kepada semua warga UTeM yang sering memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada beliau.



JUNAIDAH BINTI KASIM
PENOLONG PENDAFTAR

Anak kedua daripada sepuluh orang adik beradik ini memulakan kerjaya di UTeM pada tahun 2003. Pernah berkhidmat di Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sebelum bertugas di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pada tahun 2008 hingga kini.

Pengalaman manis yang tidak akan beliau lupakan adalah ketika menjayakan rancangan Selamat Pagi Malaysia lintas langsung bersama RTM dan rakaman Forum Perdana bagi Program Hal Ehwal Islam RTM sempena Majlis Konvokesyen ke-2. Segala usaha yang dicurahkan pada ketika itu membuahkan hasil apabila berjaya merekodkan kehadiran seramai lebih 5,000 orang untuk siaran rakaman Forum Perdana yang diadakan di Dataran Sejarah Ayer Keroh.

Junaidah yang merupakan anak jati Merlimau turut meminati bidang perniagaan, lantaran itu beliau telah berusaha gigih sehingga berjaya ke tahap Sarjana (MBA). Meskipun sibuk dengan tugas harian di pejabat, Junaidah yang tidak lokek dengan senyuman masih sempat menyarung jersi mewakili fakulti dalam sukan bola jaring serta menikmati Mee Bandung Muar kegemarannya.

BAKTI & UTeM Bersama di Program Selangkah ke Universiti

27 Julai 2010 - UTeM telah bekerjasama bersama Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) untuk melaksanakan Majlis Penutup Program Selangkah Ke Universiti bertempat di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mendedahkan pelajar-pelajar sekolah menengah kepada alam universiti serta memberi gambaran jelas misi mereka dan memberi semangat kepada para pelajar untuk terus belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya ke menara gading.

Majlis telah disempurnakan oleh isteri Ketua Menteri Melaka, Datin Seri Datuk Wira Asmah Abdul Rahman. Di dalam ucapannya, beliau turut menyeru agar para mahasiswa di semua IPTA dan IPTS dan khasnya UTeM, agar memperbanyakkan aktiviti luar terutamanya aktiviti kemasyarakatan. Beliau juga menegaskan bahawa golongan ini perlu mendekatkan diri dan berbakti kepada masyarakat khususnya kepada para pelajar dan menjadi mentor kepada mereka yang sedang belajar di sekolah menengah.

Antara tetamu kehormat yang turut hadir di Majlis Penutup program ini ialah Datin Wira Rahimi Yeop, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Program Selangkah Ke Universiti peringkat Negeri Melaka, Datin Azlina Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Biro Pendidikan BAKTI, ahli-ahli BAKTI dan juga ahli-ahli Badan Amal Isteri Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional Melaka (BISTARI).

Program sehari ini turut diisi dengan ceramah motivasi bertajuk "Cemerlang" yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin serta sesi kepimpinan bersama Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang berkongsi ilmu mengenai "Kepimpinan Pelajar Berkesan". Peserta juga turut dibawa melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di fakulti-fakulti.

Program Selangkah Ke Universiti ini telah dihadiri seramai 250 orang pelajar dan 25 orang guru pengiring dari beberapa buah sekolah menengah sekitar kawasan Parlimen negeri Melaka dan Johor.



PUSAT ISLAM ANJUR KURSUS PRA PERKAHWINAN

24 Julai 2010 – Kira-kira 120 orang peserta telah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UTeM. Para peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM juga pihak luar telah mengikuti kursus selama dua hari ini. Kursus berlangsung di Auditorium Canselori Kampus Induk dengan menampilkan penceramah-penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Antara topik yang dibicarakan semasa kursus tersebut adalah seperti Pembinaan Insan-Akhlak, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Stres dan banyak lagi. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Islam, Dr. Radzuan bin Nordin. Kursus ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial UTeM kepada warga UTeM juga pihak luar bagi mengukuhkan peranan UTeM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjadi pusat penyebaran ilmu.

Ucapan Selamat Hari Raya daripada Staf UTeM

Jika hati sejernih air,
jangan biarkan ia keruh,
Jika hati seputih awan,
jangan biarkan dia mendung,
Jika hati seindah bulan,
hiasi ia dengan iman.
Mohon maaf zahir dan batin.
Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Mohd Nizam Bin Said
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Selamat hari raya maaf zahir batin kepada semua rakan-rakan dan warga UTeM. Semoga lebaran ini memberi keberkatan kepada semua.

Prof Madya Abdul Rani bin Othman
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Ramadhan Mubarak sampai ke penghujungnya,
Sinar Syawal kian menjelma,
Tangan dihulur maaf dipinta,
Ukhuwah berkekalan antara kita.

Berjabat salam rindu diakrabi,
Senyum ikhlas jujur mengiringi,
Rahmat Ramadhan kita penuhi,
Aidilfitri tanda jiwa mensyukuri.

Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin

Warga Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Salam Lebaran....
Selamat Hari Raya Aidilfitri
1431H
kepada seluruh Warga UTeM
kalau ada salah dan silap harap dimaafkan.

Sahar bin Salehan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM yang mengenali diri ini, buat ayahanda dan bonda dan seluruh ahli keluarga serta sahabat handai yang mengenali diri ini. Di kesempatan ini, dengan tulus ikhlas memohon maaf atas keterlanjuran lisan yang tak terjaga, atas Janji-janji yang terabai, atas hati ini yang berprasangka & atas sikap-sikap yang pernah menyakitkan mana-mana pihak selama bertugas di UTeM. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Minnal Aidil walfaizin.

Noor Azman Bin Mansor
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Petang raya membakar lemang
Membakar lemang sambil cerita
Aidilfitri kini datang menjelang
Tangan dihulur maaf dipinta
Selamat Hari Raya Aidilfitri

Suriyanty Kasban
Pejabat Bendahari

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana masih diberi kesempatan untuk menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini. Semoga Aidilfitri yang bakal menjelma memberi sinar baru buat kita semua dan seterusnya disambut dengan penuh kegembiraan bersama keluarga tersayang. Berhati-hati menuju ke destinasi, dan selamat kembali bertugas...sekian, wassalam....

Noraida binti Mohamad Noh
Pejabat Naib Canselor

Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin diucapkan kepada semua warga UTeM serta ampun maaf dipinta. Jadikan bulan yang mulia ini bagi mengeratkan lagi tali silaturahmi sesama insan.

Nurul Hida bt. Zulkifli
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Salam Aidilfitri kepada semua warga UTeM, terutama kepada Pendaftar dan staf Pejabat Pendaftar UTeM. Semoga Aidilfitri kali ini disambut dengan penuh keceriaan dan kemeriahan. Hati-hati di jalan raya. Maaf Zahir dan Batin.

Lindaherdani binti Raman
Pejabat Pendaftar

SALAM AIDILFITRI...
Khas buat semua warga UTeM...
Saya pohon jemari sepuluh memohon keampunan dari kesilapan yang nyata atau yang tak disengajakan di masa yang lalu.

Justeru itu, marilah kita bermaafan bersempena kedatangan Hari Mulia Di Bulan Syawal.....

Selamat Hari Raya Aidil Fitri.....

Razifah binti Mat Rais
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM serta saudara mara saya di kampung. Semoga Syawal kali ini lebih baik memberikan kesejahteraan kepada semua.

Fauziah binti Hassan, Pejabat Perpustakaan

Bulan Ramadhan bulan mulia,
Disambut dengan hati gembira,
Kini Syawal semakin menjelma,
Tanganku hulurkan maaf dipinta.

"Salam Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM"

Norsuhada Mansor
Pejabat Bendahari

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Aidilfitri kepada semua kepada semua Pengurusan Tertinggi Universiti dan tak lupa juga kepada semua warga UTeM. Semoga Aidilfitri kali ini memberi kegembiraan dan keceriaan kepada semua. Berhati-hati di jalan raya, dan semoga selamat kembali bertugas. Maaf Zahir Batin.

Zainal Bin Bidin
Pusat Khidmat Pengurusan, Canselor

Sempena Bulan Ramadhan yang Mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua rakan-rakan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Khususnya dan juga rakan-rakan lama di Bahagian Pengurusan Akademik juga di seluruh UTeM. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Dan Batin

Noorhasyuddin Bin Mohd Basri
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Seluruh Sidang Editor
Berita@UTeM mengucapkan

Selamat Hari Raya AIDILFITRI



SALAM AIDILFITRI

daripada Pengurusan Tertinggi Persatuan-Persatuan UTeM




Assalamualaikum wrt. wrkth. dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, Ramadhan al-Mubarak yang dinanti-nantikan berkunjung lagi. Selamat berpuasa kepada seluruh warga UTeM yang beragama Islam.

Inshaallah, selepas sebulan menjalani ibadah puasa, kita berkesempatan pula untuk meraikan ketibaan Syawal yang mulia. Penuhilah Syawal dengan kesinambungan daripada amalan-amalan di bulan Ramadhan. Amalan ziarah menziarahi disemarakkan. Mudah-mudahan Aidilfitri kali ini disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan.

Akhir kalam, "Selamat berpuasa dan selamat menyambut hari raya yang bakal menjelang, maaf zahir dan batin".

Datin Sara binti Ayub
PENERUSI PUSPANITA



Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, di atas segala nikmat yang telah dianugerahkanNya kepada kita semua, dengan nikmat-nikmat itu kita sekali lagi dapat menyambut dan meraikan serta membesarkan kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang mubarak, yang amat ditunggu-tunggu oleh semua umat Islam di seluruh dunia selepas kejayaan mengharungi sebulan berpuasa di bulan Ramadhan. Justeru itu, saya mewakili semua ahli Badan Kebajikan Staf UTeM ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua pembaca. Semoga Aidil Fitri tahun ini lebih bermakna buat kita semua.

Prof. Dr. Mohd Taib bin Dora
PENERUSI BAKUTE M



Assalamualaikum dan Salam Satu Malaysia....

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan " Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin " kepada semua ahli PRAKTIS dan semua Staf UTeM. Semoga Hari Raya disambut dengan penuh kegembiraan bersama keluarga tersayang.....

Sepuluh jari tersusun rapi,
Bunga Melati pengharum hati,
Mohon maaf setulus hati,
Selamat Hari Raya Aidil Fitri.

Wahi Bin Nordin
PRESIDEN
PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PRAKTIS)



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya bagi pihak semua Ahli Majlis Eksekutif UTeMASA Sesi 2009/2011 ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada Seluruh Warga Akademik, khususnya dan Warga UTeM, amnya. Ucapannya ini juga ditujukan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Pengurusan Tertinggi Universiti, Ahli-ahli Senat Universiti, Pentadbir Universiti, pensyarah-pensyarah, jurutera pengajar, guru bahasa, dan semua staf sokongan UTeM semoga sempena perayaan kali ini, mereka akan lebih bertekad dan berusaha untuk mencapai visi dan misi universiti dengan lebih mantap serta ikhlas.

Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri Serta Maaf Zahir Dan Batin

Prof. Madya Dr. Raja Roslan bin Raja Abd. Rahman
PRESIDEN
PERSATUAN PEGAWAI AKADEMIK UTeM (UTeMASA)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Assalamualaikum Wbt & Salam Perpaduan...

Saya mewakili Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) ingin mengucapkan Selamat Menyambut dan Menghayati Hari Raya EidulFitri 1431H. Semoga segala pengorbanan dan cabaran yang ditempuhi selama sebulan dalam acuan Madrasah Tarbiyyah Ramadhan akan terus menghadirkan keinsafan dan ketaatan total kepada ALLAH Azza Wajalla. Selamat menghayati lebaran kali ini bersama keluarga tersayang, jua semarakkan ziarah sanak-saudara dan rakan taulan.



Akhir kata Salam Syawal buat semua alumni UTeM, Mahasiswa, Staf Akademik, Staf Bukan Akademik & Semua Keluarga besar UTeM yang lain.

Maaf Zahir & Batin.

Al Amin bin Mohamed Sultan
PRESIDEN
PERSATUAN ALUMNI UTeM (AUTeM)

Assalamualaikum wrt. wbt.

ALHAMDULILLAH. Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana atas keberkatan-Nya kita masih diberi ruang dan peluang pada tahun ini untuk sama-sama menunaikan ibadah puasa dan akan merayakan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Saya bagi pihak ahli Jawatankuasa Kesatuan kakitangan Am UTeM (KEKUTE M), ingin mengucapkan Salam Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga kita diberikan keberkatan dan kesejahteraan oleh Allah S.W.T, agar kita berpeluang menemui sinar Ramadan dan Syawal di tahun-tahun mendatang.

Jamal Nasir bin Hj. Abd. Wahab
PRESIDEN
KESATUAN KAKITANGAN AM UTeM (KEKUTE M)

